


Seni dalam keluarga, keluarga dalam seni mendukung

Pameran Shaman

UB 16.12.2018 B3



CATATAN KANVAS KOYAK
DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

PAMERAN seni lukis yang julung kali di adakan oleh penulis bersama anak-anak yang diadakan pada 9hb. Disember yang diadakan di Galeri Mutiara di Pulau Pinang adalah satu kolaborasi bersama keluarga.

Pameran yang bertajuk Shaman atau spiritual itu mencari satu jawapan di kalangan keluarga yang tidak dapat bertemu dalam satu masa dan tempat oleh kerana setiap ahli keluarga mempunyai tugas serta kepentingan yang berbeza.

Kedua ini berlaku memandangkan keluarga moden pada hari ini lebih berbentuk *mobility* kerana media sosial serta pengangkutan yang sudah begitu canggih.

Pameran lukisan bersama keluarga biasanya amat kurang dinegara kita kerana ada keluarga yang tidak berbakat atau ada bakat namun penglibatan secara serius tidak diperolehi dikalangan keluarga. Namun penulis yang juga seorang pelukis memanggil anak beliau Maizul Effendy dan Firdaus Ridzuan untuk membuat kolaborasi pameran bersama sejak tahun 2017 lagi, apabila mendapat kelulusan dari galeri persendirian di Pulau Pinang maka kami pun mula membuat langkah menyiapkan karya selama hampir enam bulan.

Walaupun karya yang di pameran majoriti dari karya anak yang pertama Maizul Effendy seorang pelukis dan juga pensyarah seni halus dan reka bentuk di KDU atau Kolej Damansara Utama cawangan Pulau Pinang. Karya beliau bertemakan Dogma dihasilkan dalam gaya *abstrak ekspresionis*.

Tiga orang pelukis dari kumpulan anak beranak ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada para pelukis yang mempunyai keluarga berbakat agar bersama-sama mengadakan pameran lukisan untuk memupuk semangat kekeluargaan yang lebih erat di samping menonjolkan kekuatan karya yang sama tetapi mempunyai kelainan.

Apabila kita menghasilkan dalam keluarga jarang sekali kita mendapat hasil karya yang serupa ini membuktikan bahawa manusia walaupun berasal satu rumpun namun sifat kreativiti serta pengalaman tidak sama.

Begitu juga halnya

dengan karya ketiga-tiga anak beranak yang menamakan kumpulan mereka *Rendezvous* bermakna pertemuan yang sulit. Sulit bermakna susah untuk bertemu kerana setiap anggota kumpulan ini bertugas di beberapa kawasan yang berbeza umpamanya penulis sebagai ketua keluarga bertugas di negeri Sabah, Maizul bertugas dan berkarya di Pulau Pinang dan Firdaus sebagai anak lelaki yang bungsu bertugas di Terengganu.

Pameran Lukisan yang di adakan di Mutiara Galeri adalah sebuah ruang pameran yang sederhana luas dan terletak di kawasan warisan dunia di Pulau Pinang kerana dilokasi tersebut terdapat beberapa bangunan antik yang dipelihara oleh UNESCO umpamanya Masjid Acheh, Rumah Syed Sheikh Alhadi dan beberapa bangunan peninggalan zaman sebelum penjajah. Galeri Mutiara yang terletak disalah sebuah bangunan warisan tersebut diuruskan oleh seorang bekas guru dan juga pelukis terkenal Pulau Pinang En Koay Soo Kau. Walaupun pasaran seni tidak sentiasa melonjak namun galeri tersebut telah beroperasi selama 15 tahun, satu pencapaian yang baik untuk perniagaan seni visual.

Bagi penulis ia membawa satu nostalgia yang sangat bermakna kerana pernah berpameran solo pada tahun 2009 dan berjaya menjual hampir kesemua karya yang di pameran. Walaupun begitu melalui pemerhatian kawasan warisan terletak di kawasan bandar raya dan dengan segala infrastruktur umpamanya kenderaan awam, jalan raya, pengunjung senang untuk melawat kerana dikawasan yang di khaskan sebagai 'Warisan' mempunyai beberapa buah galeri persendirian, pentas persembahan, tarikan pelancongan dan kawasan membeli belah ini adalah salah satu faktor yang menjadikan galeri persendirian di Pulau Pinang mendapat sambutan.

Penulis mempamerkan lima buah karya yang berbentuk landskap aliran *ekspresionis*. Pengalaman tinggal selama lima tahun di Negeri Bawah Bayu, penulis merakamkan

pengalaman sendiri impak terhadap persepsi mistik dan legenda Gunung Kinabalu terhadap beliau sebagai seorang penulis dan pelukis.


Manakala Maizul Effendy pula seorang pensyarah di kolej Damansara Utama cawangan Pulau Pinang beliau merealisasikan karya aliran abstrak *ekspresionis* menekankan kepada *idiom kaligrafi* umpama selera pelukis Franz Kline. Dogma dihasilkan berdasarkan ketentuan ritual serta ulangan yang dilakukan dalam hidup seseorang ia juga bermaksud sesuatu kefahaman yang di paksakan keatas seseorang mungkin politik, cara hidup, adat maupun kepercayaan.

Penekanan kepada kefahaman yang dibawa dari kecil dianggap sangat kuat untuk dinyahkan dalam minda seseorang walaupun apabila mencapai dewasa. Oleh sebab itu Dogma di anggap sebagai jampi atau shaman yang tidak boleh di singkirkan kerana dia sentiasa wujud dalam minda individu.


Sementara karya yang berbentuk konsepsi *'Ready made'* agak berlainan dari karya kedua pelukis, Firdaus Ridzuan berkelulusan master dalam aliran Reka-bentuk Produk membawa sesuatu bentuk yang mirip kepada bidang yang beliau minat dan mempunyai kepakaran.

'Ready made' dipelopori oleh tokoh konseptual *Marcheal Duchamp* pada abad ke-20 telah berjaya merubah persepsi keindahan dalam seni visual secara radikal.

Begitu juga karya Firdaus Ridzuan yang mempunyai empat panel yang setiap satu mempunyai imej grafik dan juga objek industri. Panel pertama bertajuk



SIRI Dogma oleh Maizul Effendy.



PELUKIS Rendezvous, Maizul Effendy, Firdaus Ridzuan dan penulis.

Memorizer atau Ingatan kehidupan semasa kecil yang di jaga dan dibelai oleh ibu beliau yang kini menghidap penyakit kurang memori *'Demensia'* semasa dahulu sentia ingat kepada hari kelahiran anak anak kini beliau sudah tidak mempunyai ingatan tersebut seolah-olah sudah di padam dalam fail ingatan. Panel kedua *Somatogram* atau naluri sentuhan, panel kedua yang mempunyai sarung tangan mengyahkan naluri sentuhan adalah impak kepada perasaan serta ingatan yang kini sudah tidak di alami oleh ibu beliau.

Panel kedua menggambarkan mesin bunyi *Descrambler* yang sudah tidak dipunyai oleh mereka yang mengidap penyakit *mental health* atau kesihatan minda. Panel yang akhir dari karya Firdaus bertajuk *Plantora* membawa dua



(Gambar atas) KARYA Ekspresionist modern oleh penulis, akrilik 2017.

(Gambar kanan) KETUA Pengarah Muzium Seni Negara merasmikan Pameran Shaman.



makna *planthora* juga boleh diibaratkan sebagai kehilangan minat kepada berkebun atau *gardening* yang dilakukan oleh ibu beliau setiap masa senggang.


Jelas sekali pameran Shaman yang dianggotai oleh penulis dan anak-anak ingin menceritakan pengalaman ahli keluarga yang berkaitan isu yang menjadi persoalan penting dalam kehidupan mereka iaitu apabila tunggal atau tokoh dalam keluarga yang menjadi perkongsian bersama maka seni visual adalah salah satu *'Therapy'* yang dapat menyatukan keluarga, oleh sebab itu

tema pameran Shaman atau spirit bermaksud apabila manusia kehilangan spirit atau roh maka mereka hanyalah sarung atau kelongsong yang tidak bermakna, seperti kata Gus Mus pemuisi agama Indonesia "Aku merindukan rasa haru dan iba ditengah kobaran kebencian dan dendam serta maraknya rasa tega".

Pameran kumpulan *Rendezvous* bertemakan Shaman akan berlangsung sehingga 9 Januari 2019 di Mutiara Galeri telah

di rasmikan oleh Dato Professor Mohd Najib Ahmad Dawa, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, sepatutnya menjadi galakan kepada ramai pelukis yang berkeluarga mengadakan karya bersama dengan kata hikmat *Art in the Family, Family in Art*.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



KARYA bertajuk Dogma oleh Maizul Effendy.